

**SOALAN-SOALAN LISAN  
MESYUARAT KELIMA TAHUN PERTAMA  
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS  
PERAK DARUL RIDZUAN**

**PADA 5 DISEMBER 2023 (SELASA)**

-----

**1. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA ( RUNGKUP )**

Adalah penting untuk kita menerangkan bahawa NonRadioactive Rare Earth Element (NRREE) yang telah ditemui di Mukim Kenering dekat Gerik, Perak adalah bersifat nonradioactive.

- Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menerangkan tentang fakta ini kepada para pemain industri dan orang awam?
- Berapa peratuskah ianya akan memberi kesan penambahan kepada pendapatan Kerajaan Negeri Perak?

**2. YB ENCIK CHAW KAM FOON ( MENGLEMBU )**

Isu rumah tidak dijual. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi rumah tidak dijual dalam Negeri Perak?

**3. YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFFIN ( KENERING )**

**GEOPARK PERAK**

Mohon kerajaan nyatakan langkah-langkah yang telah di ambil dan akan di ambil untuk meningkatkan kedatangan pengunjung dan pelancong ke kawasan-kawasan geopark yang terdapat di negeri Perak?

Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan bantuan berbentuk subsidi dan Grant kepada pengusaha-pengusaha dan pemain-pemain industri ini?

**4. YB DR NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD ( BOTA )**

**Peruntukan MARRIS.**

Mohon Kerajaan nyatakan berapakah peruntukan Marris secara keseluruhan dan berapakah yang dibelanjakan mengikut daerah?

Apakah projek-projek yang telah dilaksanakan di daerah Perak Tengah pada tahun 2023?

**5. YB DR HASHIM BIN BUJANG ( BUKIT CHANDAN )**

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk membantu ekonomi nelayan nelayan darat yang menyara keluarga mereka dengan menangkap ikan di sepanjang sungai perak. Adakah kerajaan bercadang untuk memberi subsidi khas kpd mereka?

**6. YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL ( SLIM )**

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan?

Soalan tambahan.

1. Adakah tanggungan bulanan boleh selesaikan tahap kemiskinan?
2. Apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi mempromosikan produk tempatan?

**7. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN ( AYER KUNING )**

Isu berkaitan Majlis Daerah Tapah sehingga dijadikan antara topik perbualan hangat di sosial media malah di kedai kedai kopi.

1. Apakah status bangunan baru Majlis Daerah Tapah yang telah menerima tawaran sebutharga lalu dibatalkan kemudian?
2. Bilakah sepatutnya pembaikan jalan dihadapan bangunan Majlis Daerah Tapah disiapkan?

**8. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG ( ASTAKA )**

Masalah parkir di Klinik Kesihatan Sitiawan dan Hospital Manjung telahpun sangat lama tetapi tidak diselesaikan oleh pentadbiran sebelum ini. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah parkir di kedua-dua tempat ini?

**9. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN ( TRONG )**

Berapakah peruntukan Marris bagi pembinaan dan baikpulih jalanraya di Dun Trong pada tahun 2023?

**10. YB DR ABDUL AZIZ BIN BARI ( TEBING TINGGI )**

Pembangunan ekonomi di jajaran WCE.

Apakah Kerajaan Negeri menerusi syarikat berkaitan (GLC) telah mengenalpasti aktiviti ekonomi yang sesuai di sepanjang jajaran WCE untuk di manfaatkan secara langsung kepada penduduk setempat khas nya dan warga Perak am nya?

**11. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN ( PENGKALAN HULU )**

PEMBANGUNAN BANDAR SEMPADAN.

- a) Pengkalan Hulu mempunyai pintu sempadan dan merupakan satu-satunya Pelabuhan darat yang ada di negeri Perak, dan pelaburan yang masuk melalui pintu sempadan dianggarkan 6.9 billion, apakah komitmen Kerajaan negeri bagi mempercepatkan pembinaan Pelabuhan darat (hub logistic) di Pengkalan Hulu?

b) Apakah komitmen Kerajaan Negeri bagi mempercepat pembangunan satu-satunya bandar sempadan di Pengkalan Hulu?

**12. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD ( MANONG )**

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) menggariskan peranan utama JPNIN adalah meningkatkan usaha mengukuhkan perpaduan negara dan integrasi nasional. Selaras dengan peranan tersebut apakah kegiatan atau aktiviti secara berkala yang telah dilakukan oleh JPNIN dalam negeri Perak untuk merealisasikan peranan besar tersebut?

Adakah pihak kerajaan negeri bercadang untuk menambah peruntukan kepada Pejabat Perpaduan Negara dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di setiap Daerah?

Berapa banyak sekolah di Perak yang telah diwujudkan Kelab Rukun Negara (KRN) dan apakah modul-modul pendidikan kenegaraan yang disemai melalui KRN?

**13. YB ENCIK GOH SEE HUA ( PASIR PINJI )**

Kebajikan

a) Berapa penerima Ekasih di Kawasan Dun Pasir Pinji?

b) Apakah inisiatif yang diambil untuk menolong keluarga dalam Status eKasih, selain daripada memberi bantuan kewangan setiap bulan?

**14. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH ( SELINSING )**

Perubahan dan ketidakpastian cuaca dikatakan menyumbang kepada masalah produktiviti pesawah. Mohon penjelasan terperinci kepada masalah ini.

Apakah perancangan kerajaan bagi menyelesaikan masalah tanah jerlus dan adakah ianya akan dimasukkan sebagai kategori bencana yang boleh diberikan bantuan khas?

**15. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN ( BUNTONG )**

Kemiskinan bandar membelenggu kehidupan rakyat yang tinggal di bandar dan permintaan untuk fasiliti perumahan awam daripada kategori miskin dan miskin tegar semakin hari semakin meningkat. Apakah perancangan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk meningkatkan jumlah perumahan awam di kawasan bandar terutama di Bandaraya Ipoh?

**16. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN ( BEHRANG )**

Berapakah peruntukkan untuk pembangunan sokongan sekitar Proton City dan Tanjong malim yang melibatkan keperluan pertambahan sekolah, Menara telco, pusat rekreasi dan balai bomba serta balai polis yang lebih luas dan strategik

**17. YB TUAN SYED LUKMAN HAKIM BIN SYED MOHD ZIN ( CHENDEROH )**

Setiap negeri menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS). Berapakah peruntukan MARRIS yang diterima oleh Kerajaan Negeri Perak bagi tahun 2023 dan apakah perisian pecahan perbelanjaan dari peruntukan yang diterima tersebut?